

**Musa buat
kenyataan
selepas
bincang
dengan saya
Mahathir**

KUALA LUMPUR 15
Sept. - Perdana Menteri,
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad menafikan ba-
hawa Datuk Musa Hitam ti-
dak berunding dengannya,
dalam membuat kenyataan,
supaya MCA menyelesaikan
krisis kepimpinan di luar
Barisan Nasional.

"Ada pihak dalam UMNO
sendiri menyangka Kenya-
taan itu dibuat tanpa be-
runding dengan saya," kata-
nya.

Dalam satu temubual
dengan akhbar Merdeka,
Datuk Sri Dr. Mahathir
menjelaskan sebenarnya be-
liau telah berbincang dengan
Datuk Musa mengenai per-
kara itu.

"Saya dan Datuk Musa
berpendapat bahawa eloklah
jika MCA cuba menyelesaai-
kan masalah ini di luar Bari-
san Nasional (BN) supaya
BN tidak terganggu dengan
adanya satu pihak yang me-
nyekat pihak yang lain dari-
pada menubuhkan parti yang
kemudiannya menjadi ahli
BN," katanya.

Menurut Perdana Menteri
lagi, jika MCA keluar, maka
kedua-dua pihak dalam
MCA dapat bertanding dan
siapa yang menang bolehlah
menyertai BN semula.